

Pengurusan sampah perlu anjakan baru

WALAU PUN jumlah sisa pepejal atau sampah dijangka meningkat kepada 30,000 tan setiap hari menjelang tahun 2020, namun tahap pengurusannya di negara ini masih terkawal.

Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Datuk Dr Nadzri Yahaya bagaimanapun berkata, urusan kutipan masih kurang memberangsangkan kerana kontrak antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat konsesi memabitkan bayaran interim.

“Perjanjian dari tahun ke tahun itu menyebabkan syarikat konsesi tidak dapat mengembangkan pelaburannya berikutan aliran tunai yang terhad.

“Kekangan kewangan itu menyukarkan usaha penambahbaikan mutu pengurusan kutipan sisa pepejal terutama melibatkan operasi,” katanya kepada *Mingguan mStar*.

Terdapat tiga syarikat konsesi yang menguruskan sisa pepejal isi rumah iaitu Alam Flora Sdn Bhd (wilayah tengah), Southern Waste Management Sdn Bhd (wilayah selatan) dan E-Idaman Sdn Bhd (wilayah utara).

Mesra alam

Menurut Nadzri, kebanyakan PBT hanya mengendalikan tapak pelupusan sisa pepejal biasa berbanding tapak pelupusan

MUKADIMAH

Keputusan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal dari Pihak Berkuasa Tempatan mulai tahun depan mengundang pelbagai reaksi. Sejumlah 17,000 tan sisa pepejal atau sampah dihasilkan setiap hari. Percaya atau tidak jumlah itu dijangka akan meningkat kepada 30,000 tan pada tahun 2020.

Maka tidak hairanlah kerajaan merancang untuk mewajibkan setiap isi rumah mengasingkan sampah mengikut sisa organik dan bahan kitar semula menjelang tahun 2013.

Ikuti laporan eksklusif wartawan *Mingguan mStar* mengenai konotasi sampah yang hanya dilihat sebagai bahan tidak bernilai malah menjijikkan.

terutama pelepasan air larut resap dan tidak di tutup selamat apabila ia tidak digunakan lagi,” ujarnya.

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan kini sedang menaiktaraf tapak pelupusan yang agak kritikal dan berada di kawasan sensitif kepada iaonis sanitari



Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di Bukit Tagar, Selangor.

termasuk kos membangunkan tapak pelupusan jenis sanitari.

“Jumlah itu merupakan kadar 13 tahun lalu, maka jumlah semasa mungkin jauh lebih tinggi daripada RM1 bilion mengambilkira kos inflasi dan kenaikan kos pengurusan,” tambahnya lagi.

Bagaimanapun Nadzri berkata, kos tersebut mampu dikurangkan sekiranya keberkesanan pengurusan dipertingkatkan seperti pengukuhan pengasingan punca sisa pepejal.

45 peratus, plastik (24 peratus), kertas (7 peratus), besi (6 peratus) manakala kaca (3 peratus) dan bakinya lain-lain.

Dengan kaedah rawatan loji larut resap yang berteknologi tinggi, Nadzri berkata, diharapkan ia dapat mengurangkan 50 peratus daripada 45 peratus sisa makanan.

Bagaimanapun jelasnya, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menampung kenaikan kadar berkenaan berikutan peningkatan mutu perkhidmatan.

“Kos pengurusan amat tinggi

Kritikal jika pengurusan tidak efektif

PENGURUSAN sisa-pepejal di negara ini mungkin akan menjadi kritikal sekiranya ia tidak dilakukan secara efektif dan bersepadu.

Demikian diakui Ketua Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Latifah Abd Manaf.

Beliau berkata, bilangan rakyat Malaysia semakin bertambah sekaligus menyebabkan jumlah lambakan sisa pepejal turut meningkat.

“Penambahbaikan tapak pelupusan sampah amat penting kerana kita tidak boleh hanya bergantung kepada aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh masyarakat semata-mata.

“Justeru, rancangan kerajaan untuk memperbanyakkan tapak pelupusan sampah jenis sanitari amat dipersetujui kerana ia mesra alam sekitar,” katanya.

Bagaimanapun, aktiviti kitar semula yang sedia ada masih kekal penting berikutan kaedah itu akan mengurangkan lambakan sisa pepejal untuk dilupuskan.

Menurut Latifah, dengan berbuat demikian, jangka hayat bagi sesebuah tapak pelupusan untuk beroperasi juga dapat dipanjangkan sekaligus mengurangkan kos

berbanding tapak pelupusan sanitari yang mesra alam.

Katanya, ini mengakibatkan kualiti pelupusan kurang memuaskan kerana tiada kemudahan yang boleh mencegah pencemaran alam sekitar apatah lagi menangani kesihatan awam.

“Sehubungan itu, semua tapak pelupusan sisa pepejal baru akan dibangunkan secara sanitari malah tapak pelupusan sedia ada akan dinaiktaraf kepada jenis itu.

“Pun begitu, saya tidak menolak pengurusan sisa pepejal mungkin menjadi kritikal sekiranya tapak pelupusan tidak dinaiktaraf bagi membendung masalah alam sekitar

jenis sanitari.

Selain itu, ia juga boleh ditutup selamat. Semua usaha tersebut akan diteruskan dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Walaupun terdapat 290 tapak pelupusan sisa pepejal di negara ini, namun kebanyakannya tidak begitu sensitif dengan sumber air, hidupan dan persekitaran.

Beliau berkata, kos pengurusan sisa pepejal di Semenanjung adalah kira-kira RM1 bilion setahun yang membabitkan proses kutipan sehingga ke peringkat pelupusan.

“Ia adalah kadar yang ditetapkan oleh pengurusan di bawah PBT sejak tahun 1997 dan tidak

Kos pengurusan

Peningkatan kecekapan juga mengurangkan kos pengurusan membabitkan jentera dan tenaga kerja, mengemaskini laluan serta penggunaan lori bersaiz optimum.

Tanpa pemantauan akan menyebabkan pengurusan semakin kritikal seperti tapak pelupusan tidak mencukupi, kenaikan kos dan wujud pembuangan sampah secara haram.

Berdasarkan kajian, seorang rakyat Malaysia menghasilkan secara purata 0.8 kilogram sampah setiap hari. Komposisi sisa pepejal terdiri daripada sisa makanan iaitu

“Kos pengurusan amat tinggi di mana PBT memperuntukkan daripada 30 sehingga 70 peratus daripada hasil mereka untuk pengurusan berkenaan,” katanya.

Berdasarkan kajian berkaitan amalan 3R (pengurangan, guna semula dan kitar semula) lebih 80 peratus rakyat Malaysia sedar kepentingan kitar semula, namun hanya 50 peratus sahaja mengamalkannya.

“Justeru, masyarakat perlu mengambil langkah bijak mengurangkan pembuangan dan amalkan kitar semula. Ini menjimatkan perbelanjaan kerajaan melupus sisa pepejal.

sekaligus mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal dan menjimatkan kawasan.

“Syarikat konsesi dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyediakan jalan penyelesaian terbaik bagi mengelakkan sebarang pembaziran dalam menjalankan kerja-kerja pelupusan sampah.

“Tidak dinafikan kos pengurusannya sebanyak RM1 bilion setahun amat tinggi, tetapi jika sebahagian kos itu dapat disalurkan kepada pengurusan yang lebih cekap dan efisien, sudah pasti ianya dapat mengurangkan masalah jumlah lambakan sisa pepejal yang tinggi di negara ini,” ujarnya.

“Walau sebesar mana pun tapak pelupusan yang ada, tapi kalau...”

PENGURUSAN sampah bukan sekadar melupuskan, bahkan ia perlu melalui satu sistem integrasi bermula dari kutipan, pindahan sehingga ia dilupuskan.

Kini terdapat 16 projek tutup selamat yang dikawal selia oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaini Md Nor berkata, pihaknya turut bertanggungjawab memastikan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dibangunkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

“Saya berpendapat semua tapak pelupusan sisa pepejal di negara ini sepatutnya dinaik taraf kepada sanitari bagi menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos operasi.

“Kos membangunkan tapak pelupusan jenis sanitari agak tinggi, namun ianya bersifat ekonomik jangka panjang kerana dapat menjimatkan kos memelihara dan memulihara alam sekitar,” katanya.

PPSPPA ditubuhkan pada tahun 2008, namun sehingga ke hari ini

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) masih belum dikuatkuasakan.

Pengurusan sisa pepejal masih dilaksanakan PBT, manakala PPSPPA membantu memantau aktiviti kutipan dan memberi maklum balas kepada PBT bagi memperbaiki mutu kerja.

Zaini berkata, cabaran pada masa ini adalah kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kitar semula yang berupaya membantu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan.

Sebesar mana tapak pelupusan itu tetapi kalau aktiviti kitar semula tidak dilakukan secara serius, katanya, ia hanya akan meningkatkan bilangan sampah.

“Kita sebenarnya perlu melihat punca sampah dan integrasi masyarakat memainkan peranan penting dalam mengawal penghasilan sampah di negara ini.

“Oleh itu, mereka seharusnya membuat pengasingan sampah yang dibuang bagi memastikan bahan kitar semula dapat

diselamatkan daripada dilupuskan,” ujarnya.

Beliau menambah, jika bahan buangan dapat dikitar semula semula sisa pepejal sebanyak 50 peratus maka jumlah yang sama dapat dijimatkan bagi pengurusan di tapak pelupusan.

Pelan Strategik Nasional Pengurusan Sisa Pepejal telah menggariskan Pelan ABC iaitu (*Action*) pelan tindakan untuk (*Beautiful*) keindahan dan (*Clean*) kebersihan Malaysia.

Zaini berkata, Pelan ABC akan mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal negara yang seragam, kos efektif, mesra alam dan mendapat penerimaan masyarakat.

“Oleh itu, harus diingatkan bahawa pengurusan sampah yang lebih efisien, teratur dan berkesan dapat mewujudkan kehidupan selesa.

“Jangan hanya kerana yang diuruskan itu adalah sampah sarap, ia dianggap sebagai satu gangguan tetapi sebenarnya melindungi negara daripada dicemari,” katanya.

Banyak bahan boleh dikitar semula ‘terlepas’

KEMPEN kitar semula diperhebatkan ke seluruh negara, namun masih banyak bahan kitar semula ‘terlepas’ ke tapak pelupusan.

Ini diakui Southern Waste Management Sdn Bhd (SWM), yang merupakan antara tiga syarikat konsesi yang dilantik menguruskan sisa pepejal.

Pengarah Eksekutifnya, Dr Uzir Abdul Malik berkata, SWM menguruskan 4,500 tan sisa pepejal setiap hari.

“Daripada jumlah itu, kira-kira 20 peratus adalah bahan buangan yang boleh dikitar semula.

“Namun SWM berupaya mendapatkan bahan kitar semula melalui proses pengasingan buangan iaitu kemudahan pemuliharaan bahan (MRF),” katanya.

Menurut Uzir, kebanyakan bahan yang dapat ‘diselamatkan’ itu untuk dikitar semula adalah kertas selain plastik, kaca dan besi.

Jelasnya, MRF merupakan projek induk dan akan dinilai keberkesannya dalam

menyelamatkan bahan kitar semula daripada dilupuskan.

“Ini mampu mengurangkan kos pengurusan maka MRF akan diperluaskan di tapak pelupusan melibatkan operasi SWM.

“Walaupun jumlah itu hanya kecil, ia langkah terbaik untuk terus menjaga alam sekitar.

SWM mengendalikannya pengurusan sisa pepejal di tiga negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor membabitkan 400 kakitangan operasi.

Beliau berkata, pengurusan sampah sebenarnya adalah tanggungjawab bersama antara masyarakat, syarikat konsesi dan kerajaan.

“Syarikat konsesi seperti SWM bukan sekadar menguruskan sisa pepejal, malah membantu menjaga alam sekitar daripada terus tercemar,” ujar Uzir.

Pengurusan SWM membabitkan perbelanjaan kasar lebih kurang RM200 juta setahun dan kos berkenaan dijangka akan terus meningkat dari tahun ke tahun.